

TEKS UCAPAN

YB. DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KEBANGSAAN TEKNOLOGI
MAKMAL (SKETMA)

BERTEMPAT

DEWAN BUDAYA, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

PADA

26 OGOS 2013 (ISNIN)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

ASSALAMU'ALAIKUM WA RAHMATULLAHI WA
BARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA

PROFESOR MUHAMMAD JANTAN, TIMBALAN NAIB
CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) UNIVERSITI
SAINS MALAYSIA (USM) YANG MEWAKILI NAIB CANSELOR
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Y.BHG PROFESOR DATUK DR. OMAR SHAWKATALY, AHLI
LEMBAGA GABENOR USM YANG JUGA PENASIHAT
SKETMA KE 11 INI DAN PERSATUAN STAF MAKMAL USM

ENCIK MOHD NIZAM BIN BAKAR, PRESIDEN PERSATUAN STAF MAKMAL YANG JUGA PENGARAH SKETMA KE11

1. TERLEBIH DAHULU, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HAD RAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA-NYA JUA, KITA DAPAT BERHIMPUN BERSAMA-SAMA DALAM MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KEBANGSAAN TEKNOLOGI MAKMAL KALI KE11. SAYA INGIN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA , KHUSUSNYA NAIB CANSELOR YANG MENJADI TUAN RUMAH SEMINAR KEBANGSAAN TEKNOLOGI MAKMAL PADA KALI INI. SYABAS DAN TAHNIAH JUGA KEPADA PERSATUAN STAF MAKMAL DAN SEMUA YANG TERLIBAT DALAM PENGANJURAN SEMINAR INI.

2. INI ADALAH SATU INISIATIF YANG AMAT BAIK DALAM USAHA KITA UNTUK MEMARTABATKAN LAGI BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI DI NEGARA KITA. SAYA PERCAYA SEMINAR KEBANGSAAN TEKNOLOGI MAKMAL YANG BERLANGSUNG SELAMA 4 HARI, BERMULA DARI 25 DAN 28 OGOS 2013 INI MERUPAKAN SATU INISIATIF MURNI UNTUK MENGGALAKKAN DAN MENDEDAHKAN STAF DI USM AMNYA DAN STAF INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SERTA AGENSI KHASNYA TENTANG KEPENTINGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI. INI BERTEPATAN DENGAN TEMA SEMINAR “MENTRANSFOMASI TEKNOLOGI MAKMAL DALAM MENZAHIRKAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI SAINTIFIK”

3. PROGRAM-PROGRAM SEBEGINI PERLU DIBANYAKKAN LAGI BAGI MENYAHUT HASRAT DAN MATLAMAT UNTUK MENYUBURKAN BUDAYA INOVASI DAN KREATIVITI DALAM GENERASI MUDA DAN MASYARAKAT NEGARA YANG AMAT KITA CINTAI YANG MENDUKUNG HASRAT KERAJAAN MENJAYAKAN WAWASAN 2020 DALAM MENCAPAI TARAF SEBUAH NEGARA MAJU.

KEMAJUAN KEUPAYAAN SAINS DAN TEKNOLOGI (S&T) ADALAH CABARAN YANG KEENAM DI ANTARA SEMBILAN CABARAN YANG DISENARAIKAN. MALAYSIA MESTI MEMPUNYAI KEUPAYAAN UNTUK MEMAJU DAN MENYELARASKAN SUMBER-SUMBER S&T YANG ADA DALAM NEGARA SUPAYA MENCAPAI HASRAT "MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH MASYARAKAT YANG BERASASKAN SAINS DAN YANG PROGRESIF, IAITU SATU MASYARAKAT YANG BERDAYA CIPTA DAN BERPANDANGAN JAUH, SEBUAH MASYARAKAT YANG BUKAN SAHAJA DAPAT MEMANFAATKAN TEKNOLOGI MASA KINI TETAPI TURUT MENJADI PENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN PERADABAN SAINS DAN TEKNOLOGI PADA MASA HADAPAN."

4. SAYA FIKIR, KITA PERLU BERSAMA-SAMA MELIHAT PERANAN YANG ADA DENGAN SEBAIK YANG MUNGKIN, SAMA ADA DALAM KALANGAN SUMBER TENAGA YANG MENGGERAKKAN SAINS DAN TEKNOLOGI, MAHU PUN PERANAN PARA SAINTIS, TENAGA SOKONGAN, KEMUDAHAN MAKMAL YANG DAPAT MEMBANTU MELAKSANAKAN KEPERLUAN YANG ADA DAN SEBAGAINYA DI SAMPING SET MINDA YANG JELAS DALAM MENCAPAI HASRAT TERSEBUT. KITA SELAMA INI TELAH MELAKUKAN SATU PELABURAN YANG BESAR UNTUK MENCAPAI HASRAT DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI NEGARA MALAH MEMBANGUNKAN PELBAGAI PRODUK YANG BERKAITAN.

5. APA YANG PERLU KITA LAKUKAN SETERUSNYA IALAH MENGGEMBLENGKAN SETIAP KEKUATAN YANG ADA UNTUK BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN AGENDA SAINS DAN TEKNOLOGI NEGARA SECARA KOLEKTIF UNTUK MENGUKUHKAN YANG ADA. KITA JUGA PERLU MELIHAT SETIAP PROSES YANG BERLAKU DENGAN MEMASTIKAN ASPEK-ASPEK FUNDAMENTAL SENTIASA DIPERKASAKAN. INI TERMASUKLAH MEMASTIKAN PELAN PEMBANGUNAN BAKAT ATAU *TALENT MANAGEMENT*

DALAM MENYEDIKAN SUMBER MANUSIA YANG BERSESUAIAN SENTIASA ADA DAN YANG SEDIA ADA PULA DIPERKUKUHKAN DENGAN ILMU PENGETAHUAN BAHARU YANG SENTIASA BERKEMBANG.

6. JIKA HAL INI TIDAK DILAKUKAN, MAKA KITA AKAN KEKURANGAN BAKAT-BAKAT YANG DAPAT DIGUNAKAN DALAM PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI NEGARA PADA PERINGKAT BUKAN SAHAJA KEPAKARAN TETAPI JUGA SOKONGAN SEPERTI MANA SEBAHAGIAN BESAR TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PADA HARI INI. PEMUPUKAN BAKAT DAN USAHA MENINGKATKAN KEUPAYAAN YANG ADA PERLU DILAKUKAN SECARA BERTERUSAN DAN YANG PENTING SETIASA BERADA DI HADAPAN KERANA PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG BERLAKU DALAM SAINS TEKNOLOGI AMAT PANTAS BERLAKU. APA YANG SAYA INGIN KATAKAN IALAH, TUAN-TUAN DAN PUAN-PERLU PERLU MENYIAPKAN DIRI DENGAN ILMU PENGETAHUAN TERKINI DAN TERBAHARU AGAR DAPAT MEMASTIKAN PULA IA DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MEMBANTU PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI MELALUI MAKMAL-MAKMAL YANG ADA SEBAGAI SATU KEPERLUAN UNTUK MENJAYAKAN APA JUA HASRAT YANG KITA TETAPKAN.

7. MATLAMAT MENINGKATKAN KEUPAYAAN S&T BERASASKAN KEPADA HASRAT UNTUK MEMBENTUK SATU "EKONOMI YANG CEKAP TEKNOLOGINYA MAMPU MELAKUKAN PENYESUAIAN PEMBAHARUAN DAN PELABURAN YANG BERTEKNOLOGI INTENSIF DAN BERGERAK KE ARAH PENGGUNAAN TEKNOLOGI YANG CANGGIH." PENGGUNAAN TEKNOLOGI CANGGIH HANYA BERUPAYA DIHASILKAN MELALUI PENINGKATAN BAKAT YANG ADA KERANA SEHEBAT MANA PUN TEKNOLOGI YANG DIHASILKAN JIKA TIDAK SEIRING DENGAN PENINGKATAN KECEKAPAN DALAM KALANGAN MEREKA YANG MENGENDALIKANNYA, MAKA IA AKAN BERAKHIR BEGITU SAHAJA TANPA DAPAT MENGEKALKAN

KELESTARIANNYA. INI ANTARA CABARAN BESAR YANG KITA HADAPI DALAM MENCAPI HASRAT TERSEBUT.

8. OLEH ITU, SAYA MENYERU AGAR TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DAPAT SENTIASA MENAMBAHKAN KECEKAPAN KERJA MASING-MASING DAN BERUPAYA MENYUMBANG DALAM PEMBANGUNAN DAN KELANGSUNGAN USAHA MEMBANGUNKAN TEKNOLOGI BAHARU SEKALIGUS MEMBANTU NEGARA MENCAPI TARAF NEGARA MAJU. SEKALI LAGI SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA. SAYA DOAKAN AGAR TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AKAN MENDAPAT INPUT BARU DALAM MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PROFESIONALISME TUGAS YANG ADA MELALUI SEMINAR YANG DIADAKAN INI. SEMOGA ALLAH S.W.T MEMBERKATI USAHA MURNI INI.

DENGAN LAFAZ “BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM” SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN SEMINAR KEBANGSAAN TEKNOLOGI MAKMAL KALI KE11 INI. SEKIAN, WABILLAH AL-TAUFIQ WAL HIDAYAH WASSALAMU’ALAIKUM WA RAHMATULLAHI WABARAKTUH

